

Chee Heung bidas Guan Eng isu sisa pepejal

KUALA LUMPUR 30 Mac - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung (**gambar**) membidas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang disifatkannya tidak faham dan keliru tentang pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal di negara ini.

Chee Heung berkata, sejak 13 tahun lalu semua kerajaan tempatan bersetuju bahawa pengurusan sisa pepejal adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

Berikutan itu jelas beliau, kementerian menerusi tender terbuka memilih tiga daripada 50 syarikat iaitu E-Idaman Sdn. Bhd., Alam Flora Sdn. Bhd., dan Southern Waste Management Sdn. Bhd., untuk menguruskan sampah-sarap di Semenanjung.

Lantaran itu beliau tidak bersetuju dengan permintaan Kerajaan DAP Pulau Pinang untuk memilih kontraktor sendiri bagi melaksanakan tugas membersihkan sampah di negeri itu.

"Saya tidak tahu apa mahu buat lagi jika Pulau Pinang tidak mahu mengambil bahagian dalam pelaksanaan sistem ini. Kita akan cuba meyakinkan mereka untuk bekerjasama dalam hal ini," katanya selepas merasmikan Indeks Bandar Hijau (GBI) dan Pembinaan Perumahan Baru Versi Kedua di sini semalam.

Kelmarin, Guan Eng menentang sistem pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan atas tiga alasan iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dipanggil untuk berunding, pihaknya tiada hak bersuara untuk memilih kontraktor dan pemilihan kontraktor tidak dibuat secara terbuka.

Menurut Chee Heung, pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan oleh kementerian sebenarnya

bertujuan menyeragamkan pengurusannya di seluruh negara.

"Ini kerana kementerian mendapati sesetengah kerajaan negeri tidak mampu membayar kos pengurusan sisa pepejal menyebabkan ia tidak diuruskan dengan baik dan berkesan," katanya.

Menurutnya, bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan dengan berkesan, seramai 1,400 pegawai Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan akan mengawasi prestasi tiga kontraktor berkenaan di seluruh negara supaya mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan oleh kementerian.

Beliau sekali lagi menegaskan pelaksanaan sistem itu tidak akan membebankan rakyat kerana kementerian membayar lebih kos kepada ketiga-tiga kontraktor berkenaan.

